

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji kepada Allah s.w.t yang dengan redhanya tesis ini dapat diselesaikan dengan sempurna sehingga dapat dipersembahkan kepada bangsa dan negara, sebagai sumbangan untuk ikut membantu mencari jalan keluar dari pelbagai krisis multi dimensi yang sedang dihadapi, khasnya krisis akhlaq mulia. Salawat dan salam disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. beserta keluarga dan para sahabat yang telah lebih dahulu menyampaikan risalah yang diamanahkan Allah s.w.t. dan berjaya dengan perjuangan yang penuh penderitaan.

Dengan penuh yakin dalam memenuhi tanggung jawab intelektual, maka tesis ini akhirnya menjadi kenyataan berkat motivasi, bantuan dan nasihat yang disertai kesabaran banyak pihak, diantaranya kepada Dr. Noor Shakirah Mat Akhir sebagai penyelia utama yang mana penulis amat berpuas hati, kerana telah memberikan perhatian yang sangat khusus supaya berjaya dalam menyelesaikan tesis yang bermanfaat ini. Kemudian penulis sangat berbangga hati kepada penyelia bersama Prof. Madya Dr Mohd Radzi Hj Othman yang telah banyak memberikan pendapat, komen dan kritikan kepada penulis supaya kajian ini bermakna dalam memberikan sumbangan kepada dunia ilmu pengetahuan, khasnya dalam kajian keislaman. Khas kepada Dr. Muhammad Azizan bin Sabjan, saya sangat berhutang budi atas perhatiannya yang begitu besar kepada penulisan tesis ini yang mana rasanya tidak mungkin dapat membalas semua kebaikannya, kerana semua apa yang telah dilakukan beliau adalah atas dasar tulus dan ikhlas. Semoga Allah s.w.t akan melimpahkan kemuliaan dan keredhaan kepadanya.

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Prof. Dr. Ramli Mohamad, Dekan Institut Pengajian Siswazah, Prof Madya Dr Norizan Md.Noor,

Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan seluruh kakitangan, atas segala bantuan dan kerjasama dalam menghasilkan dan menyempurnakan kajian ini.

Demikian pula penghargaan ini disampaikan kepada Dr. Ahmad Luthfi Fathullah, MA sebagai Direktur Lembaga Pengkajian & Penelitian al-Hadith yang telah banyak membantu dalam mentakhrijkan hadith yang digunakan dalam tesis ini, sehingga terjamin kesahihannya.

Terakhir penghargaan ini disampaikan kepada yang dikasihi Ayahanda Hj Zainuddin Hamid, isteri Channiek Pranoto beserta puteri-puteri yang taat beribadah kepada Allah s.w.t, dan seluruh kaum keluarga yang telah memberikan banyak sokongan sama ada nasihat mahupun doa yang tiada hentinya demi penulisan ini dapat diselesaikan. Tidak lupa kepada rakan-rakan di bahagian Institut Penelitian Yogyakarta yang telah banyak membantu dalam metod penelitian, maka penulis sangat berterima kasih.

Khusus kepada Majlis Zikir al-Amin sama ada para pengerusi mahupun jemaahnya, maka penulis sangat berkesan dengan perkhidmatannya yang penuh dengan sabar memberikan banyak perhatian dan bantuan sehingga penelitian ini berjaya dilaksanakan dengan penuh persahabatan tanpa mahu diberi imbalan kecuali mengharapkan redha Allah s.w.t.

Semoga setiap manfaat yang dilahirkan dari kajian ini, maka Allah s.w.t, akan melimpahkan rahmat dan kurniaNya kepada kita semua dan jadilah kita sebagai hamba Allah yang berguna bagi kepentingan umat manusia. Amin Ya Allah.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	i
JADUAL KANDUNGAN	iii
TRANSLITERASI.....	viii
ABSTRAK	xi
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	7
1.3 Kajian Terdahulu.....	9
1.4 Ruang Lingkup Kajian	12
1.5 Kepentingan Kajian.....	14
1.6 Objektif Kajian.....	16
1.7 Metodologi Kajian	16
1.7.1 Pengumpulan Data	17
1.7.1.1 Sumber data.....	17
1.7.1.2 Mekanisme persampelan.....	17
1.7.1.3 Kaedah pengumpulan data	18
1.7.1.4 Kesahan data	19
1.7.2 Kaedah analisa data.....	19
1.8 Organisasi Kajian	20
BAB 2 ZIKIR DAN AKHLAQ.....	22
Pendahuluan	22
2.1 Zikir Dan Kajiannya.....	22
2.1.1 Zikir dan pengertiannya	23
2.1.1.1 Dari sudut bahasa	23
2.1.1.2 Dari sudut istilah	24

2.1.2	Sumber ajaran zikir	27
2.1.3	Keutamaan zikrullah	49
2.1.4	Pembahagian zikir	60
2.1.5	Adab-Adab berzikir.....	65
2.2.	Akhlaq dan Kajiannya.....	73
2.2.1	Pengertian akhlaq	73
2.2.2	Sumber akhlaq dan pembahagiannya.....	76
2.2.3.	Ruang lingkup akhlaq	81
	1. Akhlaq kepada Allah s.w.t.	82
	2. Akhlaq kepada Rasulullah s.a.w.	85
	3. Akhlaq kepada diri sendiri	86
	4. Akhlaq kepada keluarga.....	88
	5. Akhak kepada masyarakat.....	90
	6. Akhlaq kepada bangsa dan negara	91
2.3.	I'tikaf sebagai bahagian zikrullah membentuk akhlaq mulia	114
2.3.1	I'tikaf dan pengertiannya	115
	2.3.1.1 Dari sudut bahasa.....	115
	2.3.1.2 Dilihat dari sudut istilah	115
	2.3.1.3 I'tikaf menurut al-Qur'an dan pentafsirannya.....	117
	2.3.1.4 Dilihat dari al-Hadis Rasulullah s.a.w	120
BAB 3	MAJLIS ZIKIR AL-AMIN.....	142
	Pendahuluan	142
3.1.	Sejarah pertubuhan Majlis Zikir al-Amin	145
3.2	Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya dan peranannya	146
3.2.1	Sebagai pakar teknologi (fizik dan kimia)	149

3.2.2	Sebagai pakar pengubatan.....	150
3.2.3	Sebagai ulama/cendikiawan Islam.....	151
3.3.	Penghargaan dan pengakuan yang diterima.....	152
3.3.1	Masyarakat.....	152
3.3.2	Bidang keilmuan.....	154
3.3.3	Bidang keislaman.....	155
3.3.4	Lembaga negara.....	156
3.4	Perkembangan Majlis Zikir al-Amin (1967 – 2004).....	159
3.4.1	Fasa pengenalan, 1967-1977.....	160
3.4.2	Fasa pertumbuhan, 1977-1987.....	161
3.4.3	Fasa pembinaan, 1987-1997.....	162
3.4.4	Fasa perjuangan, 1997-2004.....	171
	1. Pembangunan masjid/surau.....	174
	2. Pelaksanaan program i'tikaf.....	176
	3. Pengabdian kepada masyarakat.....	181
	i. Perhatian kepada anak yatim.....	181
	ii. Zakat kepada fakir miskin.....	182
	iii. Khatan kepada anak-anak yang tidak mampu.....	182
	iv. Haiwan korban.....	182
	4. Pengabdian menerusi pengubatan.....	183
	5. Program dakwah.....	184
	i. Dakwah kepada para jamaah Majlis Zikir al-Amin.....	184
	ii. Dakwah kepada pihak luar.....	185
	6. Hubungan dengan pemerintah.....	187
	7. Sumber kewangan.....	188

3.5	Keunggulan Majlis Zikir al-Amin.....	198
3.5.1	Ciri khas	198
3.5.1.1	Program ilmiah teknologi al-Qur'an.....	199
3.5.1.2	Ilmu penguatan.....	199
3.5.1.3	Program i'tikaf	200
3.5.2	Bebas dari bergantung kepada pihak luar	200
3.6	Masa depan Majlis Zikir al-Amin.....	202
3.6.1	Sumber tenaga jemaah yang besar	203
3.6.2	Jaringan kerja yang meluas	204
3.6.3	Sumber kewangan yang kuat	206
3.6.4	Keprihatinan sosial yang tinggi.....	207
3.6.5	Hubungan mesra dengan semua pihak.....	208
BAB 4	KAEDAH PEMBENTUKAN AKHLAQ MANUSIA	211
	Pendahuluan	211
4.1	Mekanisme pembersihan jiwa.....	217
4.1.1	Memelihara wuduk.....	217
4.1.2	Solat sunat wuduk	222
4.1.3	Solat sunat taubat	225
4.1.4	Solat sunat rawatib	227
4.1.5	Solat fardu berjemaah	229
4.2	Mekanisme pengisi jiwa.....	237
4.2.1	Zikir berjemaah.....	237
4.2.2	Zikir sendirian	238
4.3	Mekanisme penguat jiwa	246
4.3.1	Berlapar diri (<i>Al-Ju>'</i>).....	247

	4.3.2	Berdiam diri (<i>Al-S{umt}</i>)	260
BAB 5		PENUTUP	293
5.1		Kesimpulan	293
5.2		Hasil Kajian.....	294
5.3		Saranan.....	297
5.4		Lampiran-Lampiran	300
5.5		Bibliografi	302

SENARAI TRANSLITERASI

Bacaan	Huruf ‘Arab	Transliterasi
‘alif	ا	a
ba>’	ب	b
ta>’	ت	t
tha>’	ث	th
ji>m	ج	j
h}a>’	ح	h}
kha>’	خ	kh
dal	د	d
dhal	ذ	dh
ra>’	ر	r
zay	ز	z
si>n	س	s
syi>n	ش	sy
s}a>d	ص	s}
d}a>d	ض	d}
t}a>’	ط	t}
z}a>’	ظ	z}
‘ayn	ع	‘
ghayn	غ	gh
fa>’	ف	f
qa>f	ق	q
ka>f	ك	k
la>m	ل	l
mi>m	م	m

nu>n	ن	n
waw	و	w
ha>’	ه	h
hamzah	ء	’
ya>’	ي	y
ta’	ة	t

Vokal

a. Pendek

اَ = a

اِ = i

اُ = u

b. Panjang

اَ = a>

اِ = i>

اُ = u>

c. Diftong

اَي = ay

اَو = aw

Sistem transliterasi yang digunakan dalam tesis ini, adalah berdasarkan kepada sistem yang *standard*, sebagaimana yang terdapat dalam buku panduan transliterasi yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 1984.

SENARAI SINGKATAN

a.s	‘alayh al-sala>m
H	Hijriyah
Ibid	Ibidem bermaksud rujukan sama dengan disebutkan di atas.
M	Masihi
hal.	Halaman
r.a.	rad}iya Allah ‘anhu
s.a.w.	s}alla Allah ‘alaihi wa salla>m
s.w.t.	subh}a>nahu wa ta‘a>la
t.t.	tanpa tarikh
t.tp	tanpa tempat penerbit
t.np	tanpa nama penerbit
W	Wafat

Pembentukan Akhlaq Mulia Menerusi Kaedah Zikrullah: Kajian Kes Majlis Zikir al-Amin di Indonesia

ABSTRAK

Pemilihan tajuk dan penelitian mengenai pembentukan akhlaq mulia adalah merupakan suatu kajian yang dilahirkan berkaitan dengan keadaan bangsa dan negara yang sedang dilanda krisis akhlaq mulia. Permasalahan semua itu disebabkan kerana sama ada sebahagian besar pemimpin di kerajaan mahupun rakyat tidak lagi memperlihatkan nilai-nilai taqwa sebagai hamba Allah, sehingga segala bentuk perintah dan laranganNya telah jauh dari kenyataannya yang akhirnya merugikan bangsa dan negara.

Kajian dilakukan secara meluas dan mendalam di Majlis Zikir al-Amin di Indonesia yang selama ini telah berjaya memperbaiki akhlaq jemaahnya menjadi mulia menerusi kaedah zikrullah. Hasil penyelidikan memperlihatkan bahawa Majlis Zikir al-Amin dalam melaksanakan proses pembentukan akhlaq manusia adalah bertumpu kepada pelatihan diri dan jiwa, sama ada dengan banyak beribadah mahupun dengan membiasakan kehidupan berakhlaq mulia, seumpama bersabar, jujur dan kasih sayang

Keberkesanan kaedah zikrullah yang dilaksanakan oleh Majlis Zikir al-Amin boleh dilihat daripada hasil pembentukan akhlaq mulia yang telah banyak memberikan manfaat kepada masyarakat, khasnya ketika bangsa dan negara sedang mengalami pelbagai krisis. Keberjayaan ini juga dibuktikan dengan ramainya pengakuan dan penghargaan yang diberikan kepada mereka oleh pelbagai pihak, sama ada dari masyarakat, tokoh agama mahupun dari lembaga negara dan luar negara.

The Cultivation of Noble Character through the Zikrullah Method: A Case Study of Majelis Zikir Al-Amin in Indonesia

ABSTRACT

The selection of this research topic and the scrutiny afforded to the formation of a noble character is linked to the state of nation and its people who are being buffeted by a deep moral crisis. All these problems stem from the fact that a large segment of leadership and citizenry no longer exude noble values in their role as Allah's servants till every injunction and prohibition which He had enjoined has been totally neglected which ultimately has ruined the nation and society.

This detailed and extensive research was conducted at the Majelis Zikir al-Amin Indonesia which has thus far successfully imbued the character of its followers with noble values through the zikrullah method. The research reveals that Majelis Zikir al-Amin in implementing the process of character formation, has focused on self and spiritual training either through the observation of *ibadah* or through the familiarization of noble values such as patience, integrity and love in daily life.

The efficacy of the zikrullah method as practiced by Majelis Zikir al-Amin could be justified through the formation of noble characters and this has conferred numerous benefits to society particularly when state and society are experiencing manifold crises. This success is further evidenced by numerous compliments and accolades accorded to them by various segments of society, religious figures as well government institutions, both local and foreign.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Kajian ini berkaitan dengan keadaan negara dan bangsa Indonesia yang sedang mengalami cubaan daripada Allah s.w.t. bermula kerana krisis ekonomi, hukum dan politik yang akhirnya menyebabkan ia menjadi krisis akhlaq sehingga terjadilah pelbagai bencana sehingga sekarang yang menyebabkan semakin sukar untuk di atasi. Rakyat sudah tidak percaya kepada pihak pemerintah yang sesuka hati telah melanggar undang-undang semata-mata ingin menguasai harta dan berkuasa demi kepentingan diri, keluarga dan golongan mereka.

Rasuah berlaku hampir pada seluruh jawatan, sama ada di setiap kementerian mahupun pihak swasta yang mempunyai hubungan dengan pihak pemerintah. Kemudian lembaga negara yang melaksanakan bidang perundangan seperti anggota parlimen, polis, hakim dan peguam yang seharusnya melaksanakan tanggungjawabnya dengan adil, ternyata berkerjasama dengan pihak penguasa, sehingga melengkapinya permasalahan menjadi lebih rumit dan memusnahkan keadaan ekonomi negara.¹

Akibatnya, wujudlah kekecewaan dalam kalangan masyarakat yang memuncak kepada perbuatan jenayah yang dikenal dengan istilah "*May Berdarah 1998*", sehingga menyebabkan pelbagai kerosakan seperti pembakaran, perampasan hingga sampai kepada pembunuhan yang sepatutnya tak perlu terjadi dalam suatu bangsa yang sebelumnya hidup dengan penuh ketenteraman dan kedamaian.

¹ Lihat lampiran 1, 2 dan 3 dari berbagai surat khabar tentang rasuah yang menyebabkan negara dalam keadaan krisis ekonomi.

Data-data yang dikumpul diperolehi sehubungan dengan peristiwa yang menyedihkan tersebut ialah 463 orang manusia tewas, 33 buah pasar raya, 4083 buah kedai, 382 buah pejabat dibakar, 44 buah pasar raya dirosakkan dan dirampas isinya, 1026 buah rumah dirosakkan sehingga menyebabkan kerugian yang amat besar.² Hal ini berlaku di Jakarta, tidak termasuk di kota-kota lainnya yang hampir semua mengalami kerosakan yang hebat.

Semua kejadian tersebut di atas hingga sekarang tidak ada yang diadili di mahkamah kerana undang-undang tidak dikuatkuasakan dan ia sangat sukar untuk diperbaiki selama manusia tersebut tidak sedar betapa hukuman Allah amatlah berat. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah dalam surah al-Rum (30) ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Terjemahannya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala’ bencana di darat mahupun di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia;(timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

Persoalan yang perlu ditanyakan ialah; mengapa perkara ini terjadi di negara yang penduduknya sebahagian besar beragama Islam? Bukankah ajaran agamanya memberikan pendidikan dan nasihat untuk saling berkasih sayang sesamanya sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. dan sebahagian besar para sahabatnya.

² *Indonesian Business*, July 1998, vol.1, No.3. hal. 52-54.

Menurut data tahun 1998, jumlah penduduk Indonesia yang beragama Islam mencapai 95 % daripada 206.611.600 orang, sehingga menempatkan negara ini sebagai negara yang berpenduduk Islam yang terbesar di dunia.³

Di Nusantara ini amat banyak perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat untuk melaksanakan ajaran agama Islam, sama ada sekolah yang bernafaskan keislaman mahupun masjid dan surau-surau yang sedia digunakan sebagai tempat untuk beribadah. Tetapi sayang sekali, kerana dalam realiti mereka tidak menunjukkan nilai-nilai agama yang diredhai oleh Allah s.w.t, bahkan justeru yang tampak adalah dorongan hawa nafsu yang sangat kuat untuk memperkaya diri dengan pelbagai cara, di antaranya melakukan rasuah sehingga negara mengalami krisis kewangan.⁴

Untuk menyelamatkan keadaan negara, maka pihak kerajaan meminta pinjaman/berhutang kepada luar negara. Untuk membayarnya, maka hak rakyat dikurangi, misalnya dengan menaikkan harga makanan, minyak, dan kepentingan utama lainnya, sehingga akhirnya menimbulkan kekecewaan dan sakit hati atas perlakuan yang diberikan khususnya kepada rakyat kecil yang miskin dan lemah itu. Akibatnya timbul rasa permusuhan satu sama lain, saling membenci dan iri hati yang berakhir dengan krisis akhlaq mulia sebagaimana yang disebut di atas.

Inilah yang merupakan kenyataan bagi sebuah negara yang bangsanya sejahtera, tetapi kemudian telah berubah menjadi sesuatu yang menakutkan kerana semuanya disebabkan kurang keyakinannya kepada Allah s.w.t, tidak jujur menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan memperkaya diri sendiri tanpa pernah memikirkan akibatnya kepada nasib orang lain. Sifat kasih dan sayang yang selama ini terjalin begitu baik telah sirna begitu sahaja, seolah-

³ Lihat lampiran no.3, peta dunia Islam di dunia.

⁴ Lihat lampiran no 4 dan 5, rasuah terjadi di Nusantara yang majoriti beragama Islam.

olah tidak pernah ada. Kemudian sebahagian besar masyarakat, khasnya pihak yang miskin tidak pula mahu bersabar menghadapi ujian daripada Allah s.w.t sehingga diturunkan azab yang merugikan bangsa dan negara.

Apabila hal kerosakan akhlaq ini dibiarkan dan tidak diperbaiki segera, maka sudah pastilah bahawa negara dan bangsa yang bilangannya terbesar nombor empat di dunia ini dengan jumlah penduduk yang beragama Islam nombor satu di dunia ini akan hancur dan berakhir dengan segala penderitaan. Lihatlah bagaimana nasib bangsa di zaman dahulu, seumpama kaum Nabi Nuh as, Nabi Hud as, Nabi Lut} as dan yang lainnya, dimana semua itu hancur kerana kerosakan akhlaq mereka sendiri.

Sebenarnya, ada beberapa pihak sama ada berasal dari pejabat negara mahupun tokoh masyarakat dan para ulama yang cuba untuk memperbaiki keadaan bangsa yang sedang bermasalah ini dengan pelbagai pendekatan, khususnya menerusi keagamaan. Tetapi banyak hal yang menyebabkan ia sukar untuk dilaksanakan kerana sejauh ini sifatnya masih dalam bentuk nasihat-nasihat seumpama khutbah di masjid setiap Jum'at, atau setiap ada hari besar Islam (peringatan Isra' Mi'raj, Maulid Nabi, Nuzul al-Qur'an dan lainnya) atau tulisan-tulisan menerusi surat khabar. Mereka berbicara tentang betapa besarnya dosa-dosa orang yang melakukan rasuah dengan menyampaikan firman Allah s.w.t dan sunnah Rasulullah Rasulullah s.a.w. Bahkan 2 (dua) pemimpin organisasi terbesar di Nusantara iaitu Nahdatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah telah mengeluarkan fatwanya untuk menghukum mati mereka yang melakukan rasuah.⁵

Namun semua itu tidak mempunyai kesan dalam pelaksanaannya, kerana hampir semua tempat, termasuk Kementerian Agama pun tak luput dari pekerjaan

⁵ Lihat lampiran 6, 7 dan 8 usaha yang dilakukan para ulama memerangi rasuah.

yang diharamkan agama. Alasannya ialah mungkin disebabkan beberapa hal, seumpama:

i. Hanya bersifat teori belaka dengan menakuti mereka yang melakukan rasuah akan masuk neraka.

ii. Tidak memberikan keteladanan sebagaimana yang dipertunjukkan oleh Rasulullah s.a.w dan sebahagian sahabatnya di masa lampau.

iii. Tidak mempunyai suatu kaedah yang memberikan pendidikan langsung kepada masyarakat kecuali sekedar menjalankan syariat agama tanpa adanya pemahaman yang lebih mendalam dan meluas.

Oleh itu, hingga saat ini keadaan bangsa dan negara masih terus mengalami kecemasan dan sangat mengharapkan uluran tangan dari semua pihak untuk bersama-sama membantu memberikan jalan keluar agar bangsa dan negara yang penduduknya paling besar di dunia ini segera kembali kepada kehidupan aman, tenteram dan sejahtera.

Majlis Zikir al-Amin.

Di dalam perjalanan bangsa yang sudah merdeka semenjak lima puluh tujuh tahun yang lalu, peranan majlis-majlis zikir sebenarnya sangatlah besar, khususnya untuk menjemput umat Islam meningkatkan ketaqwaannya kepada Allah s.w.t. Namun, mereka tidak begitu dikenali oleh masyarakat, kecuali sekadar tempat untuk berzikir. Hal ini disebabkan mereka tidak memerlukan populariti, kerana majlis zikir dibentuk adalah sebagai wadah untuk mencari keredhaan Allah, bukan untuk dijadikan bahagian daripada keperluan politik dan mencari wang. Sebahagian besar majlis zikir boleh berkembang dengan baik kerana dokongan daripada para jemaahnya yang memang ikhlas beribadah tanpa terikat dengan pihak lainnya, sama ada dengan pemerintah mahupun swasta.

Majlis Zikir al-Amin, adalah salah satu majlis yang terbesar di Nusantara yang ditubuhkan semenjak tahun 1955 oleh pengasasnya iaitu Kadirun Yahya Muhammad Amin, iaitu seorang ulama Islam yang juga pakar teknologi yang mempunyai tujuan menjemput masyarakat Islam untuk meningkatkan taqwanya kepada Allah s.w.t menerusi pengamalan kaedah zikrullah.⁶

Salah satu keistimewaan Majlis Zikir al-Amin ialah memberikan suatu latihan kejiwaan kepada mereka yang hidupnya telah banyak melakukan dosa-dosa disebabkan hawa nafsu yang berlawanan dengan ajaran agama sehingga boleh kembali kepada jalan yang diredhai oleh Allah s.w.t. Bentuk ibadah yang diamalkan dalam majlis zikir tersebut ialah memberikan latihan memperbanyak ibadah kepada Allah, mulai dari hal yang wajib seumpama solat lima waktu dengan berjamaah, membayar zakat, kemudian memperbanyak amalan sunat, seperti berzikir kepada Allah s.w.t, khususnya dilakukan setiap bulan yang dikenali dengan istilah beri'tikaf.

Hasil yang diperolehi daripada pelaksanaan kaedah zikrullah (i'tikaf) ini dibuktikan dengan kegiatan para jemaahnya yang telah banyak melakukan hal-hal yang sangat bermanfaat di antaranya mendirikan tempat-tempat beribadah seperti surau-surau untuk memberi kemudahan sesiapa sahaja yang hendak mendekati dirinya kepada Allah s.w.t, kemudian mereka membayar zakat, bersedekah kepada fakir miskin dan anak-anak yatim, termasuk juga perkhidmatan kesihatan secara percuma. Hal ini semua telah mereka lakukan lebih empat puluh tahun lamanya dan terus berlanjut sehingga kini.

⁶ Keputusan Fatwa Muzakarah Jawatan kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-3 telah memutuskan bahawa Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiyah yang dibawa oleh Kadirun Yahya adalah menyeleweng daripada ajaran Islam dan mengamalkan tarekat ini adalah sesat. Tarikh keputusan: 15 November 1981, Tarikh Muzakarah: 15 November 1981 hingga 16 November 1981, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, www.com.islam.gov.my. Tarikh akses 26/7/2006.

Berita mengenai pengabdian ini tidak hanya setakat itu sahaja, tetapi telah dibuktikan dengan pelbagai surat akuan dan penghargaan yang diterima daripada masyarakat, tokoh agama, ilmuan, lembaga negara, khasnya yang terlibat dengan keselamatan dan kesejahteraan bangsa, seperti pihak polis, tentera dan lain-lain. Bahkan peranan yang diberikan oleh Majlis Zikir al-Amin ini telah sampai kepada masyarakat dan bangsa negara lain. Semua ini adalah merupakan bukti bahawa pembentukan manusia berakhlak mulia menerusi kaedah zikrullah yang dilakukan oleh Majlis Zikir al-Amin mampu memberikan manfaat kepada sesiapaapun.

Hal inilah yang menyebabkan kajian ini memilih Majlis Zikir al-Amin sebagai tempat penyelidikan pembentukan manusia berakhlak mulia yang dilakukan selama 5 (lima) tahun, dengan menghabiskan banyak, tenaga, harta, fikiran dan perasaan dengan harapan hasilnya dapat memberikan sumbangan yang bererti kepada bangsa dan negara, sebagai salah satu pilihan penyelesaian terhadap persoalan yang sedang berlaku hingga pada saat ini.

1.2 Pernyataan Masalah.

Daripada pengenalan yang telah disampaikan, bila dianalisa lebih mendalam dan meluas, maka dapat diambil inti sari permasalahan yang menyebabkan berlakunya pelbagai keganasan sehingga bangsa dan negara berada dalam keadaan cemas, iaitu:

- i. Taqwa kepada Allah s.w.t.

Rukun Islam hanya setakat dikerjakan tanpa menghayati makna-makna disebaliknya, sehingga kesan yang diperolehi dari hasil ibadah hanyalah berupa tradisi sahaja, yang belum mampu sepenuhnya untuk mencegah perbuatan-

perbuatan yang diharamkan agama, seumpama merosak, membakar, merampas bahkan membunuh saudaranya sendiri. Hal ini bererti nilai taqwa hanya terhad pada luarannya sahaja, belum masuk ke dalam jiwa manusia itu sendiri.

ii. Amanah.

Seandainya para pemimpin itu mahu menjalankan amanah yang diberikan rakyat kepadanya dengan penuh tanggungjawab maka krisis ekonomi/kewangan boleh lebih cepat diperbaiki. Kemudian para hakim harus adil dalam menghakimi setiap perkara, sehingga kerosakan-kerosakan yang terjadi disebabkan kemarahan rakyat boleh dielakkan.

iii. Sifat Sabar.

Sebahagian besar manusia tidak sabar dalam menghadapi cabaran yang begitu teruk dalam kehidupannya akibat dari permasalahan tersebut di atas. Perasaan kecewa dan marah telah menjadi satu di dalam jiwa mereka yang akhirnya meluuhkannya dengan melakukan pelbagai macam perbuatan tercela.

iv. Kasih sayang.

Sifat kasih sayang sesama manusia, terutama kepada yang memerlukan perhatian dan pertolongan telah sirna, kerana lebih mengutamakan diri, keluarga dan kumpulannya sahaja. Akibatnya mereka yang kaya menjadi lebih kaya, sedangkan yang miskin menjadi lebih miskin. Perbezaan yang ketara ini merupakan benih-benih permusuhan yang menyebabkan perbuatan jenayah wujud di Nusantara.

Untuk menghadapi semua ini, maka jalan keluar perlu dicari agar sifat mulia di atas iaitu: taqwa, amanah, sabar dan kasih sayang boleh dibentuk sehingga permasalahan yang telah terjadi tidak akan berulang kembali, dan

semoga bangsa dan negara yang jumlah penduduknya beragama Islam terbesar di dunia ini boleh kembali kepada kehidupan yang makmur dan sejahtera.

Perhatian yang diberikan oleh masyarakat sendiri cukup banyak, di antaranya datang dari tokoh-tokoh agama Islam yang telah berusaha dengan memberikan nasihat dalam bentuk khutbah dan tulisan-tulisan, namun belum memberikan jawaban yang pasti kerana terhad dalam bentuk teori sahaja sehingga belum memberi kesan yang bererti. Ini terbukti dengan keadaan bangsa dan negara yang masih dalam kecemasan.

Majlis Zikir al-Amin adalah salah satu dari majlis zikir lainnya yang mempunyai program membantu masyarakat untuk meningkatkan taqwanya menerusi kaedah zikrullah yang disebut dengan nama i'tikaf. Kejayaan yang diperolehi daripada beri'tikaf ini ialah ramai yang sebelumnya berada dalam kesesatan telah kembali ke jalan yang diredhai oleh Allah s.w.t

Sebagai bukti atas kejayaan kaedah zikrullah tersebut, maka Majlis Zikir al-Amin telah menerima pengakuan dan penghargaan daripada pelbagai pihak, sama ada daripada masyarakat mahupun pemerintah, hal itu disebabkan kerana pengabdian mereka telah banyak memberikan manfaat.

Atas dasar itu, maka penyelidikan dilakukan di Majlis Zikir al-Amin untuk mengetahui rahsia-rahsia disebalik kejayaan tersebut agar dapat dijadikan salah satu pilihan sebagai rujukan untuk membangunkan kembali bangsa dan negara yang sedang menanti huluran tangan semua pihak.

1.3 Kajian Terdahulu

Setakat yang diketahui bahawa penelitian kepada majlis-majlis zikir yang berkaitan dengan memperbaiki akhlaq manusia yang telah rosak seperti yang

dikaji ini, belum ada yang melakukannya kecuali beberapa sahaja, itu pun dalam bentuk yang berbeza sekali, sama ada dalam penelitian keperpustakaan mahupun dalam kajian lapangan. Umpamanya seperti perkara yang pernah ditulis oleh dua pengkaji sebelumnya iaitu:

1. Sudiro Haji Masruhi (2000). *Islam Melawan Narkoba*, Yogyakarta: Madani Pustaka Hikmah. Beliau mengkaji dalam tahun 1997-1998 dengan Ilmu Tasawuf sebagai perubatan kepada mereka yang terbabat dengan dadah di pondok Inabah, Suralaya, Jawa Barat. Fokus penelitian kepada remaja dengan kaedah zikrullah. Cukup banyak kejayaan yang diperolehi dengan cara-cara tersebut, tetapi pengkaji melihat beberapa kelemahan yang ada dalam penulisan tersebut di antaranya ialah:

i. Tidak banyak ayat al-Qur'an dan al-Hadis yang mendokong kaedah pengubatan dengan zikrullah.

ii. Tidak jelas hubungan antara kaedah zikir dengan penyakit yang dialami pesakit kecuali sifatnya hanya kesimpulan sahaja.

iii. Peruntukan (wang) yang diperlukan amat mahal sehingga hanya orang yang tertentu sahaja yang boleh berubat di pondok tersebut.

iv. Tempat untuk berubat juga hanya ada di satu tempat sahaja iaitu Suralaya, Jawa Barat sehingga bagi mereka yang rumahnya jauh, amatlah sukar untuk mengunjunginya.

2. Hawari, Dadang (1997). *Doa Dan Zikir Sebagai Pelengkap Terapi Medis*, Yogyakarta: Dana Prima Yasa. Penelitian ini dikhususkan kepada peminum minuman keras, pengguna dadah dan pesakit jiwa. Hasil yang disampaikan sangat

baik iaitu doa dan zikir digunakan sebagai melengkapi ubat yang telah diberikan, namun pengkaji mengamati beberapa kelemahannya, di antaranya sebagai berikut:

i. Kaedah Zikir yang digunakan adalah berlandaskan al-Quran dan al-Hadis, tetapi hubungannya dengan pengubatan yang digunakan tidak jelas sehingga bagi yang membacanya sukar untuk mengambil kesimpulan.

ii. Peruntukan yang dikeluarkan amat mahal sehingga mereka yang punya wang banyak boleh berubat. Hal ini bererti hanya orang kaya sahaja yang boleh diubati.

iii. Masalah tempat juga hanya di Jakarta dan di rumah sakit tertentu, sementara ramai pesakit yang ada amat memerlukan bantuannya, terutama yang datang dari luar kota.

Kesimpulan yang boleh pengkaji ambil adalah bahawa kedua penelitian tersebut di atas cukup berjaya mengubati para pesakit. Tetapi banyak hal yang perlu diperhatikan di antaranya rujukan kepada al-Quran dan al-Hadis tidak begitu kuat, kemudian kaedah zikirnya juga tidak jelas hubungan dengan pesakit itu sendiri, sehingga kepada mereka yang ingin mengetahui dan mengamalkannya menjadi amat sukar. Hal ini masih ditambah lagi dengan masalah tempat yang hanya khas untuk orang kaya sahaja.

Apabila dibandingkan dengan penelitian yang dilakukan menerusi Majlis Zikir al-Amin yang dimaksudkan, walaupun dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu pengamalan zikir, tetapi ia mempunyai banyak perbezaan, di antaranya:

i. Pengamalan zikrullah yang berlaku di majlis zikir yang diteliti ini amat berkaitan dengan kerosakan akhlaq, termasuk dalam penggunaan rujukannya sama ada bersumberkan al-Quran, al-Hadis mahupun dengan mengambil pendapat daripada pelbagai pemikir Islam mulai yang terdahulu hingga sekarang.

ii. Keberkesanan yang diperolehi juga jelas dan nyata menerusi pelbagai pengakuan dan penghargaan yang diberikan oleh pelbagai pihak yang telah melihat dan merasakan sendiri bagaimana perbaikan akhlaq yang dilaksanakan di Majlis Zikir al-Amin telah memberikan banyak manfaat kepada masyarakat luas selama lebih dari empat puluh tahun lamanya.

iii. Peruntukan yang dibelanjakan sama ada untuk memulihkan pesakit jasmani mahupun kejiwaan amat murah sehinggakan sesiapa sahaja yang mahu berubat lebih-lebih lagi kepada rakyat miskin, sangatlah membantu.

iv. Tempat majlis zikir ini wujud di mana-mana, kerana lebih enam ratus cawangan besar dan kecil sentiasa melaksanakan pengamalan zikrullah dengan sistem yang telah ada, sehingga amat senang untuk dikunjungi oleh sesiapa sahaja, sama ada orang kaya mahupun miskin atau mereka yang hidup di kota ataupun di desa, khasnya dalam usaha untuk memperbaiki akhlaqnya.

v. Keunggulan lainnya dari Majlis Zikir al-Amin ialah kepada para jemaahnya diberi ilmu tentang pemahaman ayat suci al-Qur'an dan pengetahuan teknologi, sehingga mereka mampu mengikuti perkembangan peradaban manusia di era globalisasi yang penuh dengan cabaran ini.

1.4 Ruang Lingkup Kajian

Bersesuaian dengan tajuk kajian ini iaitu: “Pembentukan akhlaq mulia menerusi kaedah zikrullah. Kajian Kes: Majlis Zikir al-Amin Di Indonesia”, maka ruang lingkungannya akan memenuhi beberapa hal, di antaranya ialah:

i. Al-Quran, iaitu surah dan ayat-ayat yang berkaitan pengamalan zikir dan konsep ilmu akhlaq, seperti hal penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*), semuanya akan dijadikan rujukan lengkap. Sebagai alat pendokongnya digunakan kitab tafsir dari Kementerian Agama Indonesia yang terdiri daripada 10 jilid yang

sumber utamanya dalam pentafsiran penggunaan kitab-kitab: i) *Tafsir al-Mara'gha* oleh Mus'afa al-Mara'gha. ii) *Tafsir Mahjasin al-Ta'wil* oleh al-Qasimy. iii) *Tafsir Anwar al-Tanzil wa Asrar Tafsihi* oleh al-Badawi. iv) *Tafsir al-Manar*, v) *Fi Zila al-Qur'an*, vi) *Ruh al-Ma'ani*, Ibnu Kathir dan lainnya.⁷ Dalam tulisan selanjutnya tafsir ini akan diringkaskan namanya menjadi tafsir ulama kerana terdapat 17 orang ulama yang membantu hingga tersedianya tafsir ini.⁸ Kemudian kitab tafsir Ibnu Kathir dan tafsir *Fi Zila al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb akan diikutkan sebagai pelengkap kajian sehingga akan memberikan pandangan yang lebih mendalam dan meluas. Demikian pula untuk menterjemahkan ayat suci al-Qur'an dalam kajian ini, maka digunakan *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* yang diterbitkan oleh: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

ii. Sunnah Rasulullah s.a.w. yang dikutip daripada hadis-hadis yang meriwayatkan masalah zikir, ilmu akhlaq termasuk ibadah i'tikaf akan dijadikan sebagai rujukan untuk menganalisa secara terperinci.

iii. Pendapat daripada tokoh pemikir Islam, khasnya mereka yang banyak menulis tentang amalan zikrullah seperti Al-Ghazali dengan kitab *Ihya'* 'Ulu'muddin, Imam Nawawi dalam tulisannya bertajuk *al-Adhkar*, Ibnu Qayyim al-Jauziah dengan kitab *al-Wabil al-S'ayyib Min al-Kalima al-T'ayyib* dan *Fadja'il al-A'mal* oleh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi dan penulis-penulis lain. Kemudian beberapa masalah akhlaq akan digunakan oleh mereka yang pakar tentang ilmu akhlaq, seperti Ibnu Miskawaih dalam kitabnya

⁷ Departemen Agama, *Al-Qur'an Dan Tafsirnya, bab Mukaddimah*, Semarang Citra Effar, 1990, hal xvii-xix.

⁸ *Ibid.*

Tahdhib al-Akhlaq dengan terjemahannya *Menuju Kesempurnaan Akhlaq*, Ahmad Muhammad al-Hufy dalam kitabnya berjudul *Min Akhlaq al-Nabi* atau lebih dikenal dengan terjemahannya *Akhlaq Nabi Muhammad s.a.w* dan diperkuat oleh penulis lainnya H. Yunahar Ilyas, dengan kitabnya bertajuk *Kuliah Akhlaq*. Demikian juga, diingatkan bahawa kajian ini memasuki kaedah lapangan iaitu zikrullah atau dengan istilah i'tikaf, maka diperlukan kitab-kitab yang menulis tentang ibadah tersebut, di antaranya ialah kitab yang ditulis oleh Ahmad Abdul Razak al-Kubaishi bertajuk *Al-I'tikaf Ahkamuh wa Ahammiyatuh fi Haya'at al-Muslim* dan fasal 2 tentang i'tikaf jilid 2 bab 3, puasa dan i'tikaf daripada kitab *Al-Fiqh al-Islam wa Adillatuh* oleh Wahbah al-Zuhayli.

1.5 Kepentingan Kajian.

Kajian ini akan menghuraikan secara lengkap peranan kaedah zikrullah yang berlaku di Majlis Zikir al-Amin berjaya membentuk para jemaahnya berakhlak mulia yang sebelum itu sebahagian besar daripada mereka adalah berakhlak tercela, umpamanya peminum minuman keras, pemain judi, pelaku maksiat dan lain-lain. Oleh itu, diharapkan akan dapat memberikan manfaat kepada sesiapaupun sebagai salah satu pilihan mencari penyelesaian kerosakan akhlak bangsa saat ini. Di antara pihak yang sangat memerlukan kajian ini ialah:

1. Pemerintah.

Kementerian Agama, sebagai yang mewakili pihak pemerintah, perlu melakukan kunjungan rasmi ke Majlis Zikir al-Amin untuk melakukan kajian khusus mengenai kaedah zikrullah yang berkaitan dengan pembentukan akhlak mulia.

2. Pakar Psikologi .

Ahli psikologi boleh menjadikannya sebagai rujukan dalam menambah pengetahuan yang berkaitan kejiwaan, kerana hubungan antara jiwa dengan akhlaq sangatlah dekat. Penyelidikan secara ilmiah akan sangat membantu perkembangan ilmu pengetahuan khasnya mengenai penyakit jiwa.

3. Ulama Islam.

Dalam dakwahnya untuk membaiki akhlaq manusia, khususnya di Nusantara, maka kaedah zikrullah ini boleh digunakan sebagai landasan dalam risalahnya yang memberikan peringatan kepada manusia untuk berbuat baik dan mencegah kemungkaran. Di samping itu, selain ia merupakan kajian ilmiah, ia merupakan pengetahuan tambahan kepada mereka sehingga menyebabkan ruang lingkup ilmu pengetahuannya boleh berkembang. Hal yang sangat penting dari semuanya itu adalah para ulama dipersilakan untuk mengkaji dari sudut ilmu agama; bagaimana kandungan yang ada di dalam Majlis Zikir al-Amin tersebut. Sila duduk bersama, memikirkan dan membicarakan perkara yang berkaitan dengan krisis akhlaq mulia, demi menyelamatkan nasib bangsa dan negara yang sedang dalam musibah disebabkan krisis akhlaq mulia.

4. Masyarakat Islam.

Setiap orang yang beriman amatlah perlu untuk mencari dan mempelajari serta mengamalkan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pembentukan akhlaq mulia. Menerusi kaedah zikrullah yang berlaku di Majlis Zikir al-Amin ini, maka ia perlu dijadikan sebagai salah satu pilihan dalam mencari jawapan bagaimana akhlaq mulia boleh dibentuk.

1.6. Objektif Kajian

Hal yang paling utama dalam penyelidikan ini ialah untuk mengetahui beberapa hal yang amat berkaitan pelaksanaan kaedah zikrullah di Majlis Zikir al-Amin. Di antaranya ialah:

i. Mengetahui apakah yang menjadi bentuk kaedah ibadah zikrullah yang diamalkan oleh Majlis Zikir al-Amin dalam usahanya membentuk akhlaq manusia menjadi mulia.

ii. Mengamati apakah kaedah zikrullah yang diamalkan oleh Majlis Zikir al-Amin bersesuaian dengan ajaran agama Islam atau ia tidak bertentangan dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

iii. Menganalisa bagaimana tahap kejayaan Majlis Zikir al-Amin dalam melaksanakan kaedah zikrullah kepada para jemaahnya selama ini, sebagai usahanya untuk membentuk manusia berakhlaq mulia.

iv. Meneliti wujud keberkesanan yang dapat diperlihatkan oleh Majlis Zikir al-Amin sebagai bukti bahawa kaedah zikrullah yang mereka laksanakan berjaya membentuk akhlaq mulia para jemaahnya.

1.7 Metodologi Kajian.

Kaedah yang digunakan dalam penelitian ini ialah *penyelidikan diskriptif*, iaitu suatu penelitian yang menggambarkan keadaan yang berlaku semasa penyelidikan sedang berlangsung.⁹ Kemudian jenis penelitiannya ialah *observation case study* (pemerhatian kepada kes kajian), yang dalam penyelidikan ini dipilih jemaah dari Majlis Zikir al-Amin di beberapa cawangannya, di antaranya di Bogor, Medan, Jakarta dan di Yogyakarta. Proses penelitian dimulai dengan beberapa tahap di antaranya:

⁹ Imam Suprayogo dan Tobroni, *Metodologi Penelitian Sosial Agama*, Bandung: Rosdakarya, 2001, Bandung: Rosdakarya, 2001, hal. 136-137.

1.7.1 Pengumpulan Data.

Salah satu tahap yang penting dalam proses penelitian ialah kegiatan mengumpulkan data dengan cara menggunakan dua data iaitu kuantitatif untuk menghitung kegiatan para jemaah dan data kualitatif untuk mengetahui nilai guna daripada ibadah yang dikerjakan. Pengumpulan data ini terdiri dari sumber data, mekanisme persampelan, kaedah pengumpulan data dan pencatitan data.¹⁰

1.7.1.1 Sumber Data.

Untuk menyempurnakan suatu penelitian, maka perlu disediakan sumber data yang dapat diperolehi menerusi jemaah majlis zikir, pengerusi majlis zikir dan bentuk ibadah yang dikerjakan termasuk tempat dilakukannya proses perbaikan akhlaq, iaitu di Bogor, Medan, Jakarta dan Yogyakarta. Di samping itu digunakan pula sebagai alat bantu untuk menganalisa, umpamanya al-Quran dengan terjemahan dan beberapa tafsirnya, al-Hadis yang dilengkapi dengan takhrijnya serta para tokoh pemikir agama menerusi kitab masing-masing

1.7.1.2 Mekanisme Persampelan.

Sebagai cara untuk memberikan kemudahan semasa penelitian, maka mekanisme persampelan dilakukan dengan memilih kumpulan jemaah Majlis Zikir al-Amin dari semula berjumlah 1306 orang yang mempunyai pelbagai jenis penyakit kejiwaan (kerusakan akhlaq) menjadi 740 jemaah dengan jenis kerusakan akhlaq hanya tiga golongan sahaja, iaitu: Peminum minuman keras 354 orang, pemain judi 216 orang dan pelaku maksiat 144 orang. Tujuan pengurangan ini adalah supaya lebih fokus dan mempertimbangkan dari pelbagai keadaan, umpamanya waktu, tenaga dan peruntukan yang harus dibelanjakan.¹¹

1.7.1.3 Kaedah Pengumpulan Data.

¹⁰ *Ibid.*, hal. 162.

¹¹ Imam Suprayogo dan Tobroni, *Metodologi Penelitian Sosial Agama*, Bandung: Rosdakarya, 2001, hal. 165.

Dalam penelitian ini digunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah pemerhatian dan kaedah wawancara.¹² Kaedah pemerhatian bertujuan menggali data dari sumber data yang ada, sama ada dari jemaah sendiri mahupun dari kegiatan yang boleh dilihat secara langsung.¹³

Bentuk pemerhatian yang digunakan dari yang ada ialah pemerhatian berperanan aktif,¹⁴ iaitu penelitinya masuk menjadi anggota majlis zikir, sehingga hal itu akan mempermudah dilakukannya penelitian, kerana para anggotanya tidak mencurigai ruang gerak pengkaji selama berada dalam majlis zikir yang dimaksudkan.

Kemudian dalam kaedah wawancara, iaitu suatu cara mengumpulkan data menerusi temu bual dengan para jemaah dan pengerusi majlis zikir untuk mengetahui secara mendalam masalah yang ada kaitannya dengan penyakit jemaah dan proses pemulihan menerusi amalan zikrullah. Wawancara yang digunakan ialah dalam bentuk wawancara baku terbuka, iaitu pertanyaan yang ditanyakan kepada jemaah dan pengerusi majlis zikir pada prinsip yang sama.¹⁵ Tujuannya supaya mengelakkan banyak perbezaan pemahaman daripada jemaah dan sekalian digunakan kerana jumlah pesertanya sangat ramai, hal ini terbukti dalam kajian ini sebanyak 714 orang telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian.

1.7.1.4 Kesahan Data.

¹² *Ibid.*, hal. 167.

¹³ Sutopo H.B, "Pengumpulan Dan Pengolahan Data Dalam Penelitian Kualitatif", *Makalah* disajikan di Lokakarya Nasional Metodologi Penelitian Kualitatif, UNISMA, 1997 hal. 10-11.

¹⁴ Imam Suproyogo dan Tobroni, *Metodologi Penelitian Sosial Agama*, Bandung: Rosdakarya, 2001, hal. 168.

¹⁵ *Ibid.*, hal. 174.

Supaya data yang diperoleh terjamin kebenarannya, maka perlu dilakukan pengujian kepada benar atau tidaknya suatu data yang telah terkumpul.¹⁶ Dalam hal kajian ini, maka digunakan ujian mencuba kesahihan iaitu dengan melihat hasil data yang diperolehi dari empat cawangan Majlis Zikir al-Amin yang dimaksudkan, iaitu di Bogor, Medan, Jakarta dan Yogyakarta dan harus menghasilkan data yang sama atau sekurang-kurangnya hampir sama.¹⁷

1.7.2. Kaedah Analisa Data.

Analisis data adalah merupakan rangkaian dalam mentelaah, menguji, penggolongan, dan penafsiran suatu data yang telah terkumpul, supaya ia mempunyai nilai sosial, akademik dan ilmiah.¹⁸ Kegiatan yang dilakukan dimulai:

Pertama, penelitian telah menetapkan bahawa Majlis Zikir al-Amin dengan 714 jemaahnya yang kerap melaksanakan ibadah i'tikaf (kaedah zikrullah) serta konsep ibadah yang dikerjakan akan menjadi fokus kajian.

Kedua, jemaah yang diteliti tetap tidak berubah iaitu mereka yang berpenyakit peminum minuman keras, pemain judi dan pelaku maksiat sahaja.¹⁹

Selanjutnya data-data yang dimaksudkan akan dianalisa. Selama berlakunya proses analisa data, maka data-data yang ada boleh dikurangkan dengan tujuan lebih mensesderhanakan data-data yang berasal daripada penelitian di empat majlis zikir untuk dipilih kembali.²⁰

¹⁶ Subroto, Sutandyo Ignyo, *Paradigma Penelitian Kualitatif Dan Konsekwensinya Dalam Strategi Pelaksanaannya*, hal. 7.

¹⁷ Imam Suprayogo dan Tobroni, *Metodologi Penelitian Sosial Agama*, Bandung: Rosdakarya, 2001, hal. 185.

¹⁸ *Ibid.*, hal. 191.

¹⁹ *Ibid.*, hal. 192-193.

²⁰ *Ibid.*, hal.193-195.

Kemudian apabila data-data yang dimaksudkan telah selesai dianalisa, ia dapat disampaikan dalam penulisan tesis sama ada dalam bentuk teks mahupun grafik. Tetapi dalam hal ini disarankan lebih baik dengan grafik supaya lebih praktis.²¹ Dan sebagai penutup daripada laporan penelitian tersebut, bolehlah dibuat kesimpulan.

1.8. Organisasi Kajian

Penulisan tesis ini dilakukan secara sistematik seperti berikut:

Bab 1, dimulai dengan mengkaji latar belakang permasalahan di Nusantara yang telah menyebabkan keganasan di mana-mana sehingga ramai rakyat menjadi mangsa. Kemudian dicari jalan keluar dengan salah satu cara menerusi tesis ini yang bertajuk “Pembentukan Akhlaq Mulia Menerusi Kaedah Zikrullah. Kajian Kes: Majlis Zikir al-Amin di Indonesia”.

Bab 2 bahagian pertama, disampaikan kajian tentang zikrullah yang merupakan bahagian penting dalam kajian ini, terutamanya peranan dalam memperbaiki akhlaq manusia. Kemudian pada bahagian keduanya dihuraikan pula akhlaq dan kajiannya dengan memperdalam erti dan keutamaan akhlaq yang mulia dengan ruang lingkupnya dan diakhiri dengan ibadah i'tikaf sebagai kaedah pembentukan akhlaq mulia.

Dalam bab 3, dibentangkan secara mendalam dan meluas hal yang berkaitan Majlis Zikir al-Amin. Hal ini sangat penting untuk diketahui, kerana majlis zikir ini dijadikan sebagai objek kajian. Oleh itu, peranannya selama ini yang berjaya membentuk para jemaahnya yang sebahagian besar adalah mereka yang rosak akhlaqnya dan kemudiannya menjadi manusia yang mulia wajib

²¹ *Ibid.*

diselidiki sehingga kajian ini akan menghasilkan pengetahuan yang bermanfaat sebagaimana tesis ini dirancang.

Dalam bab 4 akan diuraikan secara terperinci pelaksanaan dari kaedah zikrullah yang bertujuan membentuk manusia berakhlak mulia. Semua hal yang berkaitan program Majlis Zikir al-Amin tersebut akan disampaikan sebagaimana hasil penyelidikan yang diperoleh di empat cawangannya, iaitu di Bogor, Medan, Jakarta dan di Yogyakarta.

Dalam bab 5, yang merupakan penutup dalam penulisan tesis ini, dibuat kesimpulan hasil kajian disertai dengan lampiran-lampiran untuk menyokong hasil penelitian dan akhirnya, pelbagai saranan ditujukan kepada pelbagai pihak yang mahu menyelidiki beberapa potensi yang ada di Majlis Zikir al-Amin yang selama ini belum pernah dilakukan.

BAB 2

ZIKIR DAN AKHLAQ

Pendahuluan

Berkaitan dengan tajuk tesis ini iaitu: “Pembentukan Akhlaq Mulia Menerusi Kaedah Zikrullah: Kajian Kes Majlis Zikir al-Amin Di Indonesia”, maka dalam bab 2 ini akan dihuraikan secara lengkap dan meluas mengenai zikir dan akhlaq. Pada bahagian pertama akan dibincangkan ibadah zikir beserta keutamaan yang diperoleh kepada yang mengamalkannya, mulai secara umum hingga kepada tujuan khasnya iaitu pembentukan manusia berakhlaq mulia. Sedangkan pada bahagian kedua akan dibicarakan mengenai akhlaq dan kajiannya yang diakhiri dengan keutamaan i’tikaf sebagai pembentukan akhlaq mulia.

2.1 Zikir Dan Kajiannya

Dalam ulasan tentang zikir, maka akan diterangkan semua hal yang berhubungan amalan zikir itu sendiri sama ada mulai daripada pengertiannya, keutamaannya mahupun adab-adab pelaksanaannya dengan menghuraikan sumber-sumber ajaran yang diperolehi menerusi pelbagai pendapat para pemikir Islam yang terkemuka di antaranya: Imam al-Ghazali dengan kitabnya *Ihya’ ‘Ulumuddin*, Imam al-Nawawi dalam *al-Adhkar*, Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam tulisannya *al-Wabil al-Sayyib min al-Kalim al-Tayyib*, Kemudian Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi dalam *Fadja’ il al-A‘mal*. Mereka yang disebut di atas adalah sebagai sumber utama, sedangkan yang lainnya seumpama *Ensiklopedia Islam*, Muhammad Hasbie T al-Shiddieqi dalam kitabnya *Pedoman Zikir dan Doa* dan Usman Said al-Sarqawi dalam

kitabnya bertajuk *Zikir itu Nikmat* serta penulis lainnya diikutkan untuk menyempurnakan kajian ini.

2.1.1 Zikir Dan Pengertiannya.

2.1.1.1 Dari Sudut Bahasa.

Menurut Jamaluddin Muhammad Ibn Manz}ur, dalam *Lisa>n al-‘Arab*, bahawa zikir berasal dari **ذَكَرَ – يَذْكُرُ – ذِكْرًا** (*dhakara, yadhkuru, dhikran*) bererti **التذكر** iaitu mengingat. Adapun **الذكري أو الذكر** bererti **نقيض النسيان** (*naqi>d} al-nisya>n*) iaitu menghilangkan sifat lupa.¹

Dalam kamus *Al-Munjid fi> Lughah wa al-A‘la>m*, disebutkan **الذكر** bererti *al-s}ayt* (**الصيت**/mengenal).².

Mustofa Bisri dalam kamus *Al-Bisri, Indonesia-Arab, Arab-Indonesia* menyatakan erti zikir iaitu mengingat atau menyebut sesuatu.³ Apabila dikatakan zikrullah maka ia bermakna mengingat atau menyebut asma Allah s.w.t.

Ensiklopedia Islam menulis bahawa: Zikir ialah menyebut, mengingat dan menjaga.⁴ Sehingga ia akan bererti yang sama pula apabila dijadikan kalimah zikrullah dengan makna mengingat, menyebut nama Allah s.w.t.⁵

Dari sumber-sumber di atas terlihat dengan jelas bahawa erti zikir dilihat dari segi bahasa ialah mengingat, menyebut nama sesuatu yang dalam hal ini

¹ Ibn Manz}u>r, *Lisa>n al-‘Arab*, Jilid 4, Beirut: Da>r S{a>dir, tt., hal. 308.

² Louis Ma’luf, *Al-Munjid Fi Lughah wa al-A‘la>m*, Beirut: Da>r al-Masyriq, 1987, hal. 236.

³ Adib Bisri dan Munawwir A. Fattah, *Kamus al-Bisri Arab Indonesia*, Surabaya: Pustaka Prograssif, 1999, hal. 221.

⁴ Departemen Agama, *Ensiklopedia Islam*, adalah ditulis lebih dari 50 orang ulama Islam yang ahli dibidang sejarah dan bahasa Arab .Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, 1999,

⁵ *Ibid* hal 235

apabila disambungkan dengan kalimat zikrullah maka ia bererti menyebut atau mengingat nama Allah s.w.t.

2.1.1.2 Dari Sudut Istilah.

i. Ima>m al-Ghaza>li⁶ dalam kitabnya *Ih}ya>’ ‘Ulu>muddi>n*, menulis mengenai zikrullah dengan mengutip pendapat atau istilah daripada Abu Hurairah r.a, iaitu: “Zikir adalah suatu ilmu warisan daripada Rasulullah s.a.w. berupa harta yang amat berharga untuk hidup di dunia dan akhirat.”⁷ Kemudian al-Ghaza>li sendiri mempunyai pendapat mengenai zikrullah iaitu: “Zikir adalah pembebasan manusia dari suatu dosa, bebas dari akhlaq yang tercela dan sentiasa memperoleh keampunan daripada Allah s.w.t.”⁸

ii. Ibn Qayyi>m al-Jauziyya>h(m.751H),⁹ dalam tulisannya *al-Wa>bil al-S{ayyib min al-Kalim al-T{ayyib* menyatakan: “Zikir adalah sebagai alat penghidup hati ”.¹⁰ Beliau merujuk kepada istilah yang disampaikan gurunya

⁶ Nama lengkap Ima>m al-Ghaza>li> ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Tusi al-Ghazali. Lahir di Gazalah dekat Tus, Khurasan tahun 450 H dan wafat tahun 505 H. Seorang pemikir Islam, ahli teologi, ahli falsafah dan ahli sufi termasyhur. Menulis lebih seratus kitab, diantaranya yang terkenal *Ihya>’ ‘Ulu>muddi>n*. Dikalangan ulama mempunyai gelar “*hujatul Islam*” yang bererti pembela Islam kerana ia mepersatukan perpecahan antara ulama syariat dengan tasawuf. Departemen agama, *Ibid.*, jilid 1, hal.25-27.

⁷ Ima>m al-Ghaza>li>, *Ih}ya>’ ‘Ulu>muddi>n*, terj.: Mohammad Zuhri, Semarang: Asy-Syifa’, 1990, jilid 2, hal. 345.

⁸ *Ibid.*

⁹ Ia berasal dari Damaskus sebagai ahli fiqih dalam mazhab Hanbali dan juga seorang sufi yang terkenal keras akan sikapnya dalam menghadapi taqlid buta beragama. Ia banyak menulis buku salah satunya mengenai zikir iaitu ialah *al-Wa>bil al-S{ayyib min al-Kalim al-T{ayyib*.

¹⁰ Ibn Qayyi>m al-Jauziyya>h, *al-Wa>bil al-S{ayyib min al-Kalim al-T{ayyib*, Beirut: Da>r al-Kutub al-‘Alamiyyah, t.t., hal. 51. Selepas ini ditulis dengan singkatan: Ibn Qayyi>m al-Jauziyya>h, *al-Wa>bil al-S{ayyib min al-Kalim al-T{ayyib*. Kemudian Ibn Qayyi>m al-Jauziyya>h, *Zikir Cahaya Kehidupan*, terj: Abdul Hayyi al-Kattani dan Budiman Mustafa, Jakarta: Gema Insani Press, 2002, hal. 47. Selepas ini ditulis dengan singkatan: Ibn Qayyi>m al-Jauziyya>h, *Zikir Cahaya Kehidupan*